

23/09/1998

Dr Zambry turut ditahan

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Pergerakan Pemuda Umno Lumut, Perak, Dr Zambry Abdul Kadir, ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), hari ini.

Dr Zambry yang juga Pengerusi Eksekutif Pusat Kajian Kepimpinan dan Pembangunan Malaysia (Celdes), adalah orang ke-13, termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim, ditahan mengikut akta itu sejak Ahad lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata Dr Zambry ditahan di ibu negara mengikut Seksyen 73 (1) (a) akta itu kerana memudaratkan keselamatan negara.

"Hari ini kita tahan seorang lagi mengikut ISA," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan penghargaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pegawai dan anggota polis yang bertugas sepanjang Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98), di Pulapol hari ini.

Mengenai khabar angin kononnya Prof Datuk Dr Harun Din dan Ahli Parlimen Kubang Kerian, Mohamad Sabu, turut ditahan mengikut ISA, Rahim menafikannya.

Mengenai kemungkinan Anwar dibawa ke hospital untuk pemeriksaan HIV berikutan dakwaan isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, kononnya polis mungkin menyuntik virus HIV, Rahim berkata:

"Kita tengoklah...jika ada keperluan," katanya.

Selain itu, Rahim berkata seorang pelajar tahun empat Fakulti Perubatan Univerisiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditahan kerana terbabit dalam perhimpunan haram di luar Kompleks Sukan Bukit Jalil, malam tadi.

Pelajar terbabit adalah antara lima lelaki berusia dalam lingkungan 20-an ditahan kerana menyertai perhimpunan haram sebaik berakhirnya upacara penutupan KL '98.

(END)